



SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN (1/2)

Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap / Catatan

- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Normal

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Protokol pencegahan penyakit dan sekatan	Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
Saringan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan alat saringan suhu badan atau <i>thermal scanner</i> atau <i>infrared forehead thermometer</i>. • Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas setiap hari. • Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis. • Kakitangan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celsius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema, susah bernafas tidak dibenarkan masuk ke premis untuk bertugas.
Laporan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5° <i>celcius</i> atau menunjukkan sebarang gejala hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. • Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.



SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN (2/2)

Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap / Catatan

- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Waktu Beroperasi | Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal

Kapasiti Pekerja | 100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Pembersihan dan nyahkuman premis	<p>Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • memastikan proses pembersihan dan nyahkuman dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti kerja seharian; dan • menyediakan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk, ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (<i>common area</i>).
Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Pemakaian <i>face mask</i> oleh setiap pekerja di ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (<i>common area</i>) adalah diwajibkan. • Memastikan garis panduan penjarakan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di ruang makmal/kerja.
Aplikasi MySejahtera	Pekerja dan pelanggan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.